

Bai'ah talak tiga ekstrem, beri impak negatif - Kartini

KUALA LUMPUR: Bai'ah talak tiga yang diamalkan Pas sebelum ini dilihat agak ekstrem dan tidak sesuai diamalkan kerana meletakkan kepentingan parti politik melebihi keluarga sendiri.

Sehubungan itu, kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa Pas tidak lagi akan mengguna pakai bai'ah itu pada pilihan raya akan datang dianggap tepat.

Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik (Kita) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid berkata, berdasarkan pengalaman ahli Pas sendiri sebelum ini, bai'ah tersebut ternyata memberikan lebih banyak impak negatif kepada mereka sendiri.

“Ramai yang menganggap ia agak ekstrem tapi sekarang Pas masih menggunakan bai'ah, cuma tiada lagi syarat cerai talak tiga.



DR. KARTINI ABOO TALIB @ KHALID

“Bagi saya tidak tepat kita meletakkan sumpah taat setia kepada parti dan meminggirkan isteri serta keluarga. Kini ahli Pas sendiri sudah sedar yang rugi adalah mereka,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, dalam wawancara eksklusifnya bersama *Utusan Malaysia*, Abdul Hadi menjelas-

kan, bai'ah talak tiga tidak akan diguna pakai apabila Pas menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) nanti.

Kata Abdul Hadi, bai'ah tersebut hanya diguna pakai di Kelantan dahulu apabila Menteri Besar Kelantan ketika itu, Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bimbang dengan majoriti tipis yang dimiliki Pas di negeri itu.

Sementara itu, Ketua Dewan Muslimat Pas, Senator Nuridah Mohd. Saleh melihat bai'ah yang dilaksanakan dahulu adalah harga perjuangan yang perlu dibayar pemimpin Pas demi menegakkan daulah Islam di Malaysia.

Tambah beliau, keputusan untuk mengguna pakai bai'ah tersebut dahulu telah dipersetujui secara bersama dalam kalangan pemimpin Pas dan beliau percaya keputusan itu dibuat setelah semua kebaikan dan keburukannya diteliti.